

Headline	Usah pilih agensi haji diragui status		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Aug 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	18	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	330 cm <sup>2</sup>
Journalist	Norrasyidah Arshad	AdValue	RM 11,375
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,126



**SEKITAR KURSUS HAJI PERDANA**

# Usah pilih agensi haji diragui status

» Sultan Selangor nasihat bakal jemaah hati-hati agar tidak ditimpa masalah

Oleh Norrasyidah Arshad

■ Shah Alam

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menasihatkan bakal jemaah haji supaya tidak berurusan dengan agensi yang diragui statusnya.

Baginda bertitah, perkara itu perlu dielakkan supaya bakal haji tidak ditimpa masalah berkaitan proses perjalanan pergi atau balik menuaikan ibadat berkenaan, sama ada di Malaysia atau di Arab Saudi.

“Beta juga mahu mengingatkan bakal haji supaya membuat persiapan sebaik mungkin sebelum berangkat ke Tanah Suci. Ibadat haji memerlukan kesihatan fizikal yang baik dan kekuatan mental untuk melaksanakannya.

## Jaga kesihatan

“Sekiranya ada jemaah yang mengalami sakit atau demam, segeralah berjumpa doktor yang disediakan,” titah baginda ketika hadir Majlis Penyempurnaan Kursus Perdana Haji 2014 Peringkat Negeri Selangor, di sini semalam.

Baginda turut menasihatkan bakal haji agar menjaga akhlak, tingkah laku dan nilai budi sepanjang mengerjakan ibadat, selain tertib, sabar dan mengikut peraturan ditetapkan Lembaga Tabung Haji serta pihak berkuasa Arab Saudi.

## Ikut peraturan

“Pada masa ini, Kota Makkah sedang dalam penambahbaikan dan pembinaan, maka bakal haji harus sentiasa berwaspada dan berhati-hati. Jika kita ikut semua

peraturan, tidak akan berlaku musibah, jangkitan penyakit atau insiden yang boleh memudarkan diri sendiri dan orang lain serta mencemar kesucian Islam.

“Beta juga menyarankan supaya bakal haji mengamalkan amalan berjimat cermat dan tidak boros ketika berbelanja,” titah baginda.



*Sekiranya ada jemaah yang mengalami sakit atau demam, segeralah berjumpa doktor yang disediakan”*

**Sultan Sharafuddin Idris Shah,  
Sultan Selangor**

Headline	Usah pilih agensi haji diragui status		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Aug 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	18	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	330 cm <sup>2</sup>
Journalist	Norrasyidah Arshad	AdValue	RM 11,375
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,126



Bakal haji mengaminkan doa pada **Majlis Penyempurnaan Penutupan Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri Selangor** di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

[FOTO ROSDAN WAHID/BH]